KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
AKADEMI KEPIMPINAN PENDIDIKAN TINGGI

E-BULETIN

EDISI 2, 2025

AKADEMI KEPIMPINAN PENDIDIKAN TINGGI (AKEPT)

VISI DAN MISI

VISI

Menjadi Akademi Rujukan Utama dalam Kepimpinan Pendidikan Tinggi.

MISI

Membangunkan Pemimpin Melalui Inisiatif Kepimpinan yang Holistik Ke Arah Kecemerlangan Pendidikan Tinggi.

KATA PENGANTAR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh & Salam Sejahtera

Dengan penuh rasa syukur, saya mengalu-alukan penerbitan Buletin AKEPT Edisi 2 Tahun 2025 (Mei–Ogos). Edisi kali ini hadir sebagai kesinambungan kepada usaha kita bersama dalam mendokong aspirasi pendidikan tinggi negara, di samping menampilkan pelbagai program, inisiatif, dan pencapaian yang telah digerakkan oleh AKEPT sepanjang tempoh ini.

Sebagai pusat kecemerlangan kepimpinan pendidikan tinggi, AKEPT terus komited memperkukuh kapasiti dan membudayakan kepimpinan yang progresif, berintegriti, dan berwawasan. Setiap aktiviti dan inisiatif yang dirakamkan dalam buletin ini adalah hasil kerjasama erat seluruh warga AKEPT bersama rakan strategik yang sentiasa mendukung perjalanan kami.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan buletin ini, termasuk para penyelaras program, penulis, penyumbang bahan, serta seluruh warga kerja AKEPT yang telah menunjukkan dedikasi tinggi dalam menjayakan setiap inisiatif yang dirancang.

Akhir kata, saya berharap Buletin AKEPT ini dapat dimanfaatkan sebagai sumber informasi, inspirasi, dan rujukan kepada semua pihak yang berkepentingan dalam landskap pendidikan tinggi negara. Teruskan bersama kami dalam menyemarakkan budaya kepimpinan yang berwibawa dan berintegriti demi kemajuan pendidikan tinggi Malaysia.

Sekian, terima kasih.

Prof. Dr. Harshita Aini Binti Haroon
Pengarah
Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT)
Kementerian Pendidikan Tinggi

KANDUNGAN

Program Kepimpinan Institusi

Kursus Kepimpinan Institusi: Perhubungan Antarabangsa & Jangkauan Global (ILPA08) 1

Kursus Kepimpinan Institusi: Persona Kepimpinan(ILPA10) 2

Refresher & Mind Setting Programmer For Higher Education Institution Leaders 3-4

Program Kepimpinan Instruksional

Kursus Kepimpinan Instruksional: Penyeliaan Pelajar (*Studen* Supervision) ILPB07 5

KARISMA

Program Karisma Pemimpin Muda MADANI 2025 (Pentadbir Muda IPT) 6-7

Pengurusan Bakat

Bestari UMS 8

Sesi Libat Urus (SLU)

SLU AKEPT : UniversitI Pertahanan Nasional Malaysia 9

SLU AKEPT : Universiti Sultan Azlan Shah 10

SLU : IMU University 11

Pembangunan Modul & Pengukuhan Program

Kursus Jurulatih Utama untuk Modul Training (TOT): Service Learning Malaysia University for Society (SULAM)(ILPB09) Siri 1 Tahun 2025 12

Bengkel Pembinaan Modul Bagi Program Kompetensi Kepimpinan & Pengurusan Strategik Alumni (kompas) 13

Kunjungan Hormat

Kunjungan Hormat Bank Dunia ke Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) 14

Sesi Perbincangan Kedua (2) dan Lawatan Tapak *(Program Leadership for Inclusivity and Diversity)* 15

Sesi Kunjungan Hormat Universiti Teknologi Mara (UiTM) Ke AKEPT 16

Kolaborasi Akept

Mesyuarat Kolaborasi AKEPT-UPSI: A-SHEL 2025 17

Environmental, Social and Governance (ESG) for Higher Education 18-19

Program Kepimpinan Dalam Pembentukan Dasar: Strategi Pembentukan dan Pelaksanaan Kertas Dasar *(PolicyPaper)* 20-21

Kepimpinan Global

GALEP 1.0: A Milestone in Cross-Border Academic Leadership Development Initiative 22-23

Sesi Kunjungan Hormat Universitas Islam Riau (UIR), Ke AKEPT 24

AKEPT Terima Kunjungan Pengerusi Lembaga Penasihat Akept & Naib Presiden Kanan MSU 25-26

KURSUS KEPIMPINAN INSTITUSI: PERHUBUNGAN ANTARABANGSA & JANGKAUAN GLOBAL (ILPA08) TAHUN 2025

Kursus Kepimpinan Institusi: Perhubungan Antarabangsa dan Jangkauan Global (ILPA08) Tahun 2025 telah dihadiri seramai 42 peserta yang terdiri daripada pensyarah dan pentadbir

Institusi pendidikan tinggi (IPT). Kursus ini bertujuan untuk memperkukuh perspektif peserta dalam merencana aspek hubungan antarabangsa dan jangkauan global di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT).

Turut hadir ke kursus ini adalah YBrs. Prof. Madya Dr. Idaya Husna Mohd, Pengarah Bahagian Hubungan Antarabangsa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) merangkap Ketua Modul kursus ini.

KURSUS KEPIMPINAN INSTITUSI: PERSONA KEPIMPINAN (ILPA10) TAHUN 2025

Kursus Kepimpinan Institusi: Persona Kepimpinan (ILPA10) Tahun 2025 telah berjaya diadakan yang melibatkan seramai 50 peserta daripada Universiti Awam (UA). Kursus ini bertujuan untuk membangunkan individu atau persona yang memiliki integriti, disiplin, kreatif dan karisma. Peserta juga memperoleh pengetahuan tentang konsep kepimpinan yang seimbang, dipercayai, berketerampilan dan berintegriti.

Turut hadir ke program ini adalah YBrs. Prof Emerita Dr. Durrishah Idrus, Ketua Eksekutif, Kolej IJN merangkap Ketua Modul dan penceramah modul ini.
Mari kita lihat testimoni peserta untuk program!

REFRESHER & MIND SETTING PROGRAMME FOR HIGHER EDUCATION INSTITUTION LEADERS



Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) telah menganjurkan Refresher & Mind Setting Programme for Higher Education Institution Leaders yang telah berlangsung di World Trade Centre, Kuala Lumpur.

Program ini bertujuan untuk membincangkan cabaran dan halangan yang dihadapi oleh Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam mendepani landskap Pendidikan tinggi yang dinamik dan mencabar.

Program ini menghimpunkan lebih 300 orang peserta yang terdiri daripada pengurusan tertinggi Kementerian Pendidikan Tinggi, pemimpin Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), ahli Lembaga Pengarah Universiti Awam dan Ketua Pegawai Eksekutif anak syarikat universiti awam dari seluruh negara. Ia menjadi medan wacana strategik dalam membina daya tahan institusi serta memperkukuh kepimpinan pendidikan tinggi negara.

Pengisian utama program ialah sesi perbincangan yang dibimbing oleh, dua (2) tokoh berpengalaman dalam bidang transformasi dan kepimpinan strategik iaitu YBhg. Dato' Sri Idris Jala dan Encik Li Kai-Chen.

Program ini menghimpunkan lebih 300 orang peserta yang terdiri daripada pengurusan tertinggi Kementerian Pendidikan Tinggi, pemimpin Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), ahli Lembaga Pengarah Universiti Awam dan Ketua Pegawai Eksekutif anak syarikat universiti awam dari seluruh negara. Ia menjadi medan wacana strategik dalam membina daya tahan institusi serta memperkukuh kepimpinan pendidikan tinggi negara.

Pengisian utama program ialah sesi perbincangan yang dibimbing oleh, dua (2) tokoh berpengalaman dalam bidang transformasi dan kepimpinan strategik iaitu YBhg. Dato' Sri Idris Jala dan Encik Li Kai-Chen.

Program ini menekankan beberapa teras utama bagi memperkukuh hala tuju pendidikan tinggi: kelestarian kewangan, kualiti dan ranking, kebolehpasaran graduan serta enrolmen pelajar. Peserta turut menekankan penjajaran kukuh antara Lembaga Pengarah dan organisasi dalaman Universiti Awam, serta pendekatan yang disesuaikan mengikut objektif institusi.

Perbincangan turut merangkumi pemantapan tadbir urus kewangan, pelan penggantian kepimpinan secara strategik. Program ini menyeru transformasi menyeluruh melalui kerjasama erat antara institusi dan KPT demi masa depan pendidikan tinggi negara.

Majlis penutup program ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd. Kadir.
Turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Datuk Dr. Anesee Ibrahim, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Dato' Dr. Haji Megat Sany Megat Ahmad Supian, dan Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan) Datuk Azhan Md Amir.

KURSUS KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL: PENYELIAAN PELAJAR *(STUDENT SUPERVISION)* ILPB07 TAHUN 2025

Seramai 29 peserta daripada Universiti Awam (UA) telah menghadiri Kursus Kepimpinan Instruksional: Penyeliaan Pelajar (Student Supervision) ILPB07 Tahun 2025. Peserta yang hadir ini terdiri daripada Pemimpin Instruksional Pendidikan Tinggi. Kursus ini bertujuan untuk memperkasa pensyarah dengan pengetahuan, kemahiran dan etika profesional dalam membimbing pelajar.

Turut hadir dalam kursus ini adalah YBrs. Prof. Ir. Dr Zuhaina Haji Zakaria, Dekan Institut Pascasiswazah, Universiti Teknologi MARA (UiTM) merangkap Ketua Modul
Penyeliaan Pelajar (Student Supervision) dan YBrs. Professor Dr. Raja Nor Safinas Binti Raja Harun, Dekan Pengajian Siswazah, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

PROGRAM KARISMA PEMIMPIN MUDA MADANI 2025 (PENTADBIR MUDA IPT)

Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) telah menganjurkan Program KARISMA PEMIMPIN MUDA MADANI (Pentadbir Muda IPT) yang melibatkan seramai 130 peserta daripada Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dan 20 Universiti Awam (UA). Peserta program ini dipilih daripada kalangan Pentadbir Muda di IPT dan pernah menghadiri Program KARISMA PEMIKIR MADANI sebelum ini atau bakal pemimpin di institusi masing-masing.

Program ini bertujuan untuk mempersiapkan peserta bagi menjadi pemimpin yang berkarisma dan mampu membuat keputusan yang membawa kebaikan kepada masyarakat dan negara. Peserta juga akan mengembangkan ilmu yang diperoleh ini kepada warga organisasi peserta masing-masing nanti. Modul-modul dalam program ini akan mendedahkan peserta dengan aktiviti kepimpinan, pembinaan pasukan dan pembinaan kerohanian.

Melalui program ini juga, peserta berpeluang berdialog secara interaktif dengan Pemimpin Tertinggi KPT yang diterajui oleh YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir, Menteri Pendidikan Tinggi. Turut hadir ke sesi ini adalah YBhg. Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar); YBhg. Datuk Profesor Dr. Azlinda Azman, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, YBrs. Prof. Madya Dr. Norazharuddin Shah bin Abdullah, Timbalan Pengarah, Pusat Pengurusan Bakat, AKEPT dan YBrs. Prof. Madya Dr. Azmul Fahimi bin Kamaruzaman, Timbalan Pengarah, Pusat Pembangunan Kepimpinan, AKEPT.

Penceramah program ini pula dilantik daripada kalangan pakar bidang kepimpinan seperti YB Senator Dr. Zulkifli bin Hasan, Timbalan Menteri Agama, Pejabat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dan YBhg. Dato' Prof. Dr. Md Amin Md Taff, Naib Canselor, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Wakil Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM) dan YBhg. Prof. Dato' Dr. Aldrin bin Abdullah, Ketua Kluster Kepimpinan, Universiti Sains Malaysia (USM) juga hadir ke program ini.

BeSTARI UMS

Sekalung tahniah diucapkan kepada Universiti Malaysia Sabah (UMS) diatas penganjuran Bengkel UMS Profiling Leadership 3.0 yang telah diadakan pada 14-16 Julai 2025 (Isnin-Rabu) bertempat di Galeri Caselori, UMS, Sabah. Penganjuran program selama 3 hari 2 malam tersebut adalah bertujuan untuk membentuk dan memperkasakan barisan bakat kepimpinan institusi pendidikan tinggi agar tersedia untuk menggalas tanggungjawab yang diamanahkan dan seterusnya menjamin kelestarian ekosistem pendidikan tinggi negara

Seramai 28 orang peserta telah membuat penilaian kendiri berdasarkan 7 kompetensi yang telah ditetapkan iaitu gabungan kompetensi terpilih daripada kerangka kompetensi kepimpinan AKEPT dan kompetensi kepimpinan UMS dengan menggunakan sistem yang telah dibangunkan secara dalaman oleh UMS sendiri.

Penilaian ke atas penilaian kendiri yang telah dibuat oleh peserta akan dijalankan oleh penilai-penilai profesional, bertauliah dan berkecuali. Hasil daripada penilaian tersebut akan dikongsikan kepada institusi agar institusi dapat mengukur kesan kepemimpinan Kumpulan Bakat Kebangsaan, menganalisis profil kepemimpinan sedia ada serta membantu institusi memeta Pelan Intervensi Kepimpinan.

Semoga dengan initiatif ini bukan sahaja dapat melahirkan pentadbir yang kompeten tetapi juga barisan kepimpinan yang mempunyai keupayaan pengurusan yang mempunyai perspektif bertaraf global.

SESI LIBAT URUS UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (UPNM)

Delegasi AKEPT yang diketuai oleh YBrs. Prof. Madya Dr. Norazharuddin Shah bin Abdullah, Timbalan Pengarah, Pusat Pengurusan Bakat bersama 4 orang pegawai pengiring, telah berkunjung ke Universiti Pertahanan National Malaysia (UPNM) yang terletak di dalam Kem Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Sungai Besi, Kuala Lumpur pada 7 Mei 2025 (Rabu).

Sesi libat urus pada kali ini telah membuka ruang untuk merintis inisiatif baharu, termasuklah peluang perangkaan program pembangunan kepimpinan bagi perjawatan dalam skim Perubatan dan Kesihatan (U) dan skim Perundangan dan Kehakiman (L) di peringkat institusi. Selain itu, inisiatif pemerkasaan pelan penggantian institusi juga telah dibincangkan dengan UPNM secara mendalam.

Nantikan Sesi Libat Urus AKEPT di universiti terpilih seterusnya, iaitu Universiti Teknikal Melaka (UTeM).

Selamat maju jaya dan terus cemerlang UPNM, dengan penuh 'kewajipan, maruah dan integriti.

SESI LIBAT URUS UNIVERSITI SULTAN AZLAN SHAH (USAS)

Pada 22 Julai 2024 (Selasa), AKEPT telah mengadakan sesi libat urus (SLU) ke Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Kuala Kangsar, Perak . Sesi SLU pada kali ini telah diketuai oleh Prof. Dr. Harshita Aini Haroon, Pengarah Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) dan diiringi oleh Prof. Madya Dr. Norazharuddin Shah Abdullah, Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Bakat (CeTM) serta Puan Azura Mohd Nor, Ketua Penolong Pengarah CeTM.

Sesi tersebut telah dihadiri oleh YBrs. Prof. Dato' Dr. Wan Sabri Bin Wan Yusof, Naib Canselor; Prof. Dr. Shamsul Jamili Bin Yeob, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Jaringan Industri; Prof Madya Dr. Anas Bin Md. Yusof, Timbalan Naib Canselor Pentadbiran & Kewangan; Puan Zainab Binti Mohamad, Pengurus Kanan Jabatan Sumber Manusia dan Pentadbiran Am; dekan-dekan fakulti serta ketua-ketua jabatan daripada USAS.

Pelbagai perkara telah dibincangkan seperti ruang untuk menjalinkan kerjasama bagi membangunkan kursus instruktutional berlandaskan Islam, perluasan pemasaran serta kehadiran peserta daripada USAS ke kursus sedia ada yang dianjurkan oleh pihak AKEPT. Sesi libat urus yang berlangsung hampir 3 jam tersebut telah memacu kepada idea-idea bernas dalam mewujudkan ekosistem pengajian tinggi yang terbaik terutamanya bagi institusi pengajian tinggi swasta (IPTS).

Setinggi-tinggi ucapan penghargaan terima kasih kepada pihak USAS yang sudi menerima kunjungan AKEPT dan diatas layanan mesra yang telah diberikan.

Sesi Libat Urus IMU University

Dalam usaha meneruskan agenda pemerkasaan kelompok kepimpinan, AKEPT seterusnya telah berkunjung ke International Medical University (IMU), Bukit Jalil, Kuala Lumpur pada 12 Ogos 2025 (Selasa) bersama Prof. Dr. Harshita Aini Haroon, Pengarah Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) dan diiringi oleh Prof. Madya Dr. Norazharuddin Shah Abdullah, Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Bakat (CeTM) serta Puan Azura Mohd Nor, Ketua Penolong Pengarah CeTM.

Kunjungan AKEPT ke IMU telah disambut mesra oleh YBhg. Professor Emerita Datuk Dr. Asma Ismail, Timbalan Canselor dan juga Ketua Pegawai Eksekutif IMU, Puan Hajah Noraidah Yusoff (Pendaftar), Encik Francis Wen (Ketua Pegawai Sumber Manusia), YBrs. Professor Winnie Chee (Pengarah, Institute for Research, Development & Innovation (IRDI) dan YBrs. Professor Er Hui Meng (Pro Naib Canselor, Pendidikan) dan Cik Carolyn Ng, Pembantu Peribadi (Kanan) Timbalan Canselor.

AKEPT amat kagum dengan pembentangan yang telah dibuat oleh YBhg. Professor Emerita Datuk Dr. Asma terutama sekali berkaitan dengan pencapaian dan business model yang dipraktikan di IMU. Sesi perbincangan turut membawa kepada ruang kerjasama dua pihak untuk menyediakan peluang kerjaya kepada kelompok bakat yang telah diprofilkan oleh AKEPT.

Sebelum menamatkan sesi kunjungan, YBhg. Professor Emerita Datuk Dr. Asma telah membawa delegasi AKEPT untuk melawat sekitar IMU dan melihat sendiri fasiliti dan teknologi yang telah disediakan untuk para pelajar.

Semoga hubungan yang terbina membawa ke arah memperkukuh ekosistem pendidikan tinggi menerusi pemerkasaan bakat dan pengetahuan bagi mencapai kesejahteraan masyarakat untuk kemajuan negara yang mampan.
#akept

Kursus Jurulatih Utama Untuk Modul Training (TOT) : *Service Learning Malaysia University For Society* (SULAM) (ILPB09) Siri 1 Tahun 2025

Kursus Jurulatih Utama Untuk Modul Training of Trainers (TOT): *Service Learning Malaysia - University for Society* (SULAM) (ILPB09) telah dilaksanakan di AKEPT, Negeri Sembilan mulai 28 April 2025 (Isnin) hingga 30 April 2025 (Rabu).

Kursus ini bertujuan untuk melengkapkan peserta dengan pengetahuan dan kemahiran penting yang diperlukan bagi membentuk pemimpin Pendidikan Tinggi Negara. Kursus ini telah dihadiri seramai 30 peserta daripada Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) serta Universiti Awam (UA).

Turut hadir dalam kursus ini adalah YBrs. Prof. Dr. Rosna binti Awang Hashim, Professor, Universiti Utara Malaysia merangkap Ketua Modul Kepimpinan Instruksional dan Mantan Pengerusi Jawatankuasa Strategik SULAM Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

BENGKEL PEMBINAAN MODUL BAGI PROGRAM KOMPETENSI KEPIMPINAN & PENGURUSAN STRATEGIK ALUMNI (KOMPAS)

Bengkel Pembangun Modul bagi Program Kompetensi Kepimpinan dan Pengurusan Strategik Alumni (KOMPAS) telah dihadiri seramai 11 orang pegawai Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) dan Pengarah/ Pentadbir Pejabat Alumni UA.

Bengkel pembinaan modul ini bertujuan menyediakan modul bagi Program KOMPAS yang dijangka akan diadakan pada bulan Julai 2025. Modul ini diadun selaras dengan hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bagi mewujudkan komuniti alumni yang aktif, berdaya saing dan mendorong alumni menjadi pemimpin masyarakat, usahawan serta penyumbang kepada pembangunan negara.

Turut hadir ke bengkel ini adalah YBrs. Prof. Madya Datuk Dr. Sabri bin Mohamad Sharif, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) merangkap Ketua Modul program ini.

KUNJUNGAN HORMAT BANK DUNIA KE KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT)

Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT) dengan sukacitanya telah menerima kunjungan hormat daripada wakil Bank Dunia pada 6 Mei 2025.

Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Prof. Dr. Harshita Aini Haroon, Pengarah AKEPT, dan turut dihadiri oleh perwakilan daripada AKEPT, Bahagian Dasar dan Penyelidikan, Bahagian Hubungan Antarabangsa, serta Jabatan Pendidikan Tinggi Malaysia.

Delegasi Bank Dunia diketuai oleh Dr. Tara Beteille, Ketua Ahli Ekonomi dan Pemimpin Program bagi Pendidikan, Kesihatan dan Perlindungan Sosial, bersama ahli ekonomi kanan iaitu Dr. Matthew Dornan (Perlindungan Sosial dan Tenaga Kerja), Koji Miyamoto (Pendidikan), dan Shakira Teh Sharifuddin (Pembangunan Insan). Mereka turut disertai oleh Liew Suet Li dan Kati Limapichat, kedua-duanya Perunding Pendidikan.

Kunjungan ini telah menjadi platform bernilai untuk perbincangan bermakna mengenai pengukuhan kerjasama dalam sektor pendidikan tinggi. Antara topik utama yang dibincangkan termasuklah pembangunan kepimpinan dan kemahiran, peningkatan kemahiran asas di Asia Tenggara, serta pemerkasaan pendidikan berkualiti tinggi di seluruh rantau ini.

KPT merakamkan penghargaan tulus kepada pasukan Bank Dunia atas penglibatan berterusan dan sumbangan pandangan yang bernas. KPT berharap agar kerjasama ini dapat diperkukuh bagi merealisasikan aspirasi pendidikan tinggi Malaysia.

SESI PERBINCANGAN KEDUA (2) DAN LAWATAN TAPAK *(PROGRAM LEADERSHIP FOR INCLUSIVITY AND DIVERSITY)*

Sesi Perbincangan Kedua (2) dan Sesi lawatan tapak oleh YBrs Dr. Ruzita bt Mohd Amin, *Professor of Economics at International Islamic University Malaysia* Merangkap *Head of Disability Services Unit (DSU), Office of Deputy Rector (Student Affairs), IIUM* bagi Program *Leadership for Inclusivity and Diversity* telah diadakan pada pagi 8 Mei 2025 (Khamis) bertempat di Bilik Mesyuarat Utama dan Fasiliti AKEPT. Sesi Perbincangan Pertama (1) telah diadakan pada 17 April 2025 di Putrajaya. YBrs. Prof. Dr. Harshita Aini Haroon, Pengarah AKEPT telah mempengerusikan sesi perbincangan ini.

IUM berbincang dengan AKEPT untuk menjalankan program Kepimpinan Inklusif Orang Kurang Upaya untuk Pengurusan Tertinggi Universiti yang berkonsepkan *Experiental Learning & Sharing Lesson*.

Turut hadir dalam perbincangan ini ialah YBrs. Prof. Madya Azmul Fahimi bin Kamaruzaman, Timbalan Pengarah, AKEPT, Pegawai AKEPT dan YBhg. Mejar General (B) Dato Yusri Bin Hj. Anwar, Penasihat DSU, IIUM.

SESI KUNJUNGAN HORMAT UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) KE AKADEMI KEPIMPINAN PENDIDIKAN TINGGI (AKEPT)

Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) telah menerima kunjungan hormat daripada delegasi Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang diketuai oleh YBrs. Prof. Ts. Dr. Hajah Nor Hayati Saad, Penolong Naib Canselor (Strategi), merangkap wakil Pejabat Transformasi Universiti (TRU) dan Jabatan Pendaftar.

Sesi kunjungan ini bertujuan untuk membincangkan pelbagai agenda strategik berkaitan pembangunan kepimpinan institusi, pemerkasaan budaya kerja, pembangunan kompetensi, kolaborasi latihan serta inisiatif pembangunan strategik dalam bidang latihan kepimpinan akademik.

Kunjungan ini turut menjadi platform kolaboratif bagi pertukaran pandangan dan percambahan idea antara UiTM dan AKEPT dalam usaha memperkukuh agenda pembangunan kepimpinan serta pemantapan modal insan akademik negara.

Mesyuarat Kolaborasi AKEPT-UPSI: A-SHEL 2025

AKEPT merakamkan penghargaan kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang diketuai oleh En. Helmi Zaifura Abdul Rahman, Pendaftar UPSI, atas komitmen sebagai rakan strategik dalam pelaksanaan ASEAN Summit on Higher Education Leadership (A-SHEL) 2025 yang bakal berlangsung pada November ini.

Semoga semua pihak dapat memberikan komitmen penuh dalam menjayakan program ini. Kerjasama ini diharap dapat diteruskan dalam inisiatif-inisiatif masa hadapan demi memperkasa kepimpinan pendidikan tinggi serantau.

AKEPT, dengan kerjasama Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), telah berjaya menganjurkan program latihan khas mengenai Environmental, Social & Governance (ESG) untuk Pendidikan Tinggi, yang menghimpunkan pemimpin institusi dan pendidik bagi memperkukuh integrasi prinsip ESG di universiti.

Sepanjang dua hari, program ini telah melibatkan 50 peserta daripada Universiti Awam dan swasta seluruh Malaysia, termasuk hospital universiti, sekali gus menzahirkan komitmen tinggi institusi pendidikan tinggi untuk mengamalkan amalan mampan dan beretika. Para peserta memperdalam pemahaman mereka tentang asas ESG, meneroka strategi dan alat untuk menangani isu material, mengurus risiko, serta merebut peluang, di samping menyelaraskan pendekatan dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) dan keutamaan pendidikan negara.

Program ini direka bukan sekadar berteraskan teori, malah memberi pengalaman pembelajaran secara praktikal melalui perbincangan, kajian kes dan pembentangan berkumpulan. Peserta turut dibimbing dalam membangunkan penilaian kendiri ESG serta templat pelaporan yang bersesuaian dengan konteks institusi masing-masing, disokong dengan buku panduan mesra pengguna.

Kami merakamkan penghargaan setinggi-tingginya kepada penceramah jemputan atas sumbangan berharga mereka dalam menjayakan latihan ini dengan penuh makna dan impak:

- Prof Ts Dr Shanti Faridah Binti Salleh, Pengarah Institut Tenaga Mampan dan Boleh Diperbaharui (ISuRE), UNIMAS
- Dr Florianna Lendai anak Michael Mulok, Ketua Bahagian Tenaga dan Kelestarian, Institut Tenaga Mampan dan Boleh Diperbaharui (ISuRE), UNIMAS
- Dr Mohd Farid bin Atan, Timbalan Pengarah Pusat Kelestarian Universiti

UNIMAS Turut hadir dalam sesi ini ialah Prof Madya Dr Ummu Atiyah Ahmad Zakuan, Timbalan Pengarah Pusat Penyelidikan Kepimpinan dan Jaringan Global (CRO), yang telah memuji penglibatan aktif serta komitmen peserta dalam memperkasa ESG dan kelestarian di institusi masing-masing.

Program Kepimpinan Dalam Pembentukan Dasar: Strategi Pembentukan dan Pelaksanaan Kertas Dasar *(Policy Paper)*

Program kolaborasi antara AKEPT dan Universiti Utara Malaysia (UUM) yang berlangsung selama dua hari telah berjaya dilaksanakan dengan lancar. Seramai 49 peserta dari Malaysia dan 3 peserta dari Indonesia, mewakili pelbagai institusi termasuk universiti awam, universiti swasta, agensi kerajaan, dan badan pemikir telah menyertai program ini. Penyertaan yang pelbagai ini mencerminkan komitmen institusi pendidikan tinggi terhadap pemerkasaan kepimpinan dalam penulisan dasar. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua peserta!

Antara intipati utama yang dikupas termasuk kriteria kepimpinan transformatif yang diperlukan di dalam pembuatan dan pelaksanaan dasar serta kelemahan kepimpinan di dalam pembuatan dasar.

Ciri-ciri dasar yang baik, perancangan senario serta model menilai impak dasar seperti *Randomized Controlled Trials* (RCT) juga dikongsikan dengan para peserta. Manakala sesi terakhir adalah menerusi perkongsian padu dan praktikal dari YBhg. Dato' Sri Idris Jala . Beliau mengingatkan bahawa kegagalan dasar gagal adalah bukan kerana ia tidak lengkap — tetapi ia adalah terlalu jauh dari realiti. Beliau berkata "perancangan operasi perlulah *3 feet* iaitu realistik, bukan pelan strategik yang 30,000 kaki".

Beliau juga menegaskan perlaksanaan memainkan peranan penting dalam menjayakan sesuatu dasar iaitu Polisi 10% + Pelaksanaan 90% = Berjaya. Peserta juga dapat memahami bahawa penulisan dasar bukan hak eksklusif pentadbir semata-mata, malah setiap individu boleh berperanan sebagai pemikir strategik institusi dengan hala tuju yang jelas.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kami ucapkan kepada barisan penceramah iaitu:
YBhg. Dato' Sri Idris Jala, Pengerusi/ Presiden PEMANDU Associates, Mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YBrs. Prof. Dr. Harshita Aini Haroon, Pengarah AKEPT, YBrs. Prof. Dr. Mohd Azizuddin Mohd Sani, Timb. Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UUM, YBrs. Prof. Madya Dr. Soon Jan Jan, Felo Penyelidik, *Economic and Financial Policy Institute (ECOFI), UUM*.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada semua peserta yang telah mengambil bahagian dengan aktif, serta berkongsi pandangan dan pengalaman. Komitmen dan penyertaan aktif anda semua telah menjadikan program ini sangat bermakna dan bermanfaat.

Semoga segala ilmu dan jaringan yang terjalin sepanjang program ini akan terus menyumbang kepada pengukuhan dasar dan pembangunan kepimpinan yang mampan dalam landskap pendidikan tinggi negara dan serantau.

GALEP 1.0: A Milestone in Cross-Border Academic Leadership Development Initiative

Program Kecemerlangan Kepimpinan Akademik Global (GALEP) 1.0 telah mencatat sejarah bermakna sebagai satu inisiatif pembangunan kapasiti kepimpinan rentas sempadan yang dianjurkan secara kolaboratif oleh Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) bersama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), dengan kerjasama Universitas Islam Riau (UIR), Indonesia.

Program ini telah berlangsung pada 27–28 Mei 2025 di tengah-tengah keindahan panorama Lembah Harau, Sumatera Barat, melambangkan semangat perpaduan serantau serta kemajuan bersama dalam kepimpinan akademik. Sebelum program bermula, Seminar Antarabangsa mengenai Program Kecemerlangan Kepimpinan Akademik Global telah membuka ruang perbincangan yang bernas mengenai pembangunan kepimpinan.
Dalam ucapannya, Prof. Dr. rer.pol Syafrinaldi, SH, MCL, Rektor Universitas Islam Riau (UIR), Indonesia, menyampaikan penghargaan dan rasa terima kasih yang mendalam atas inisiatif ini, serta menzahirkan semangat untuk kerjasama lanjut bersama AKEPT—terutamanya dalam latihan kepimpinan dan usaha pembangunan kapasiti. Komitmen beliau terhadap kecemerlangan akademik menyerlahkan visi bersama institusi serantau dalam memacu pembangunan kepimpinan.

Walaupun AKEPT kekal komited dalam melahirkan bakat kepimpinan di Malaysia, AKEPT juga bersedia memainkan peranan dalam membangunkan pemimpin akademik di negara jiran—kerana kami percaya masa depan sektor pendidikan tinggi yang dinamik dan mampan di rantau ini bergantung pada kerjasama serta usaha kolektif.

Dalam era di mana pendidikan tinggi berperanan sebagai agen perubahan transformasi, kepimpinan akademik menuntut lebih daripada sekadar kecekapan pentadbiran. Ia memerlukan pemahaman yang mendalam tentang profesion akademik, misi sesebuah institusi, serta peranan strategik universiti dalam memacu ilmu, inovasi, dan kemajuan masyarakat.

GALEP 1.0 diwujudkan sebagai respons kepada keperluan ini.
Inisiatif pembelajaran berstruktur ini dirangka khusus untuk membekalkan pemimpin akademik muda dan yang sedang meningkat naik dengan kompetensi kepimpinan penting dalam pembangunan keilmuan, kemajuan institusi, dan kecemerlangan akademik. Melalui pendekatan holistik yang menggabungkan teori, praktikal, serta strategi yang peka terhadap konteks, para peserta telah didedahkan dengan perbincangan dan aktiviti yang dirangka rapi merangkumi:

✅ Falsafah dan tujuan universiti
✅ Tugas dan tanggungjawab pemimpin akademik
✅ Strategi pengurusan institusi yang berkesan
✅ Perancangan strategik, pembangunan penyelidikan, inovasi, penglibatan komuniti, dan penerbitan ilmiah

Sesi interaktif yang dikendalikan oleh fasilitator dari AKEPT dan UIAM telah menggalakkan refleksi, pertukaran idea, serta pembinaan strategi — diperkaya lagi dengan kepelbagaian 45 orang peserta dari Indonesia dan Malaysia yang mewakili pelbagai disiplin akademik dan latar institusi.

Dalam ucapan penutupnya, Prof. Dr. Harshita Aini Haroon, Pengarah AKEPT, merakamkan penghargaan kepada Universitas Islam Riau (UIR) atas komitmen teguh dalam memajukan inisiatif kepimpinan akademik dan memperkukuh kerjasama antarabangsa. Beliau menekankan kepentingan kerjasama yang lebih erat dalam kalangan institusi pendidikan tinggi di rantau ini — khususnya sejajar dengan ASEAN Community Vision 2045 yang baru dilancarkan, yang beraspirasi untuk membina ASEAN yang lebih bersepadu, inovatif, dan mampan.

Menjelang tamatnya program dua hari ini, para peserta pulang dengan semangat baharu, kapasiti kepimpinan berintegriti yang diperkukuh, serta komitmen lebih mendalam untuk membawa perubahan positif dalam institusi dan komuniti masing-masing. GALEP 1.0 bukan sekadar program kepimpinan — ia adalah sebuah platform untuk mengukuhkan hubungan, berkongsi aspirasi, dan memupuk visi kolektif kepimpinan pendidikan tinggi di ASEAN.
Bersama-sama, kita mampu membentuk masa depan ASEAN yang lebih cerah dan berdaya tahan. AKEPT berbangga menjadi rakan aktif dalam perjalanan ini.

SESI KUNJUNGAN HORMAT UNIVERSITAS ISLAM RIAU (UIR), KE AKADEMI KEPIMPINAN PENDIDIKAN TINGGI (AKEPT)

AKEPT berbesar hati menerima kunjungan delegasi daripada Universitas Islam Riau (UIR) yang diketuai oleh YBrs. Prof. Dr.Rer.Pol.Syafrinaldi.SH.MCL, Rektor UIR. Turut hadir bersama adalah pegawai-pegawai kanan UIR iaitu Prof. Madya Dr.Fikri,S.Psi. (Dekan Fakulti Psikologi), Prof. Madya Dr. Hery Setiawan.M.Kom. (Ketua Perhubungan Awam), Dr. Zukkifli Toghun.SH.MH (Ketua HAKI), Dr.Davrizal.M.Kom. (Ketua Penerbitan UIR), DidikWidiantoro.M.Psi.Psikolog. (Ketua Jabatan Psikologi), Prof. Madya Dr. Syafriadi, S.H., M.H. (Pensyarah, Fakulti Undang-Undang) dan Wira Atma Hajri, S.H., M.H. (Ketua Biro Etika dan Undang-Undang). Kumpulan media Indonesia juga turut serta sebagai delegasi UIR. Sesi lawatan ini juga turut disertai oleh wakil daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Sesi kunjungan ini dapat mengukuh jalinan kerjasama antara AKEPT dan UIR dalam usaha memperkasa kepimpinan pendidikan tinggi serantau. Sesi ini juga memberi ruang kepada pihak UIR untuk meninjau persekitaran dan fasiliti latihan yang disediakan oleh AKEPT sebelum kembali ke Indonesia.

Susulan daripada sesi kunjungan ini, AKEPT berharap agar jalinan kerjasama strategik bersama UIR akan terus diperkukuhkan bagi memantapkan pembangunan kompetensi kepimpinan pendidikan tinggi dan menjadi pemangkin kepada kecermerlangan, ketahanan dan kemakmuran rantau ini.

AKEPT TERIMA KUNJUNGAN PENGERUSI LEMBAGA PENASIHAT AKEPT DAN NAIB PRESIDEN KANAN MSU

AKEPT amat berbesar hati menerima kunjungan daripada Pengerusi Lembaga Penasihat AKEPT, YBhg. Prof. Tan Sri Dato' Wira Dr. Mohd Shukri Ab Yajid, Presiden merangkap Pengasas MSU, bersama-sama YBhg. Dato' Rosli Yusof, Naib Presiden Kanan Endowmen dan Komunikasi, hari ini.

Sepanjang sesi lawatan, pihak AKEPT telah berpeluang membentangkan taklimat ringkas kepada YBhg. Tan Sri mengenai peranan, hala tuju strategik, serta inisiatif utama kami dalam memperkukuh pembangunan kepimpinan pendidikan tinggi negara.

Kami amat menghargai kehadiran YBhg. Tan Sri yang bukan sahaja mesra tetapi juga penuh makna. Dengan latar belakang beliau yang pernah terlibat secara langsung dalam perjalanan AKEPT sebelum ini, beliau telah menyuarakan hasrat serta hala tuju yang jelas dalam peranannya sebagai Pengerusi.

AKEPT amat teruja untuk menerima inspirasi serta panduan daripada beliau, dan kami percaya dengan sokongan, penasihatan dan panduan daripada Lembaga Penasihat, AKEPT akan terus melangkah ke hadapan dengan penuh keyakinan dalam menjunjung amanah Negara.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada YBhg. Tan Sri atas peluang kerjasama ini serta sokongan yang berterusan.

Faces of Future Higher Education Leadership